

PM berterimakasih sambutan hebat rakyat

JITRA, Sabtu. — Aturcara sambutan meraikan lawatan dua hari Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, ke Kedah dipendekkan kerana Perdana Menteri kurang sihat.

Perdana Menteri dan isteri yang tiba pagi kelmarin, terbang balik ke Kuala Lumpur dengan Jet eksekutif TUDM jam 4 petang ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang melawat kawasan Kubang Pasu pagi ini, tidak dapat meneruskan ucapannya kepada lebih 20,000 orang yang berhimpun di padang Sekolah Menengah Seri Mahawangsa kerana keletihan.

Beliau hanya sempat berucap kira-kira lima minit, berterimakasih

Oleh
ZAINAL BUJAL

kepada rakyat yang bersusah payah berhimpun untuk mengalu-alukan beliau dan isteri.

Perdana Menteri meminta maaf kepada para hadirin kerana merasa tidak sihat dan minta izin duduk sebentar.

Tepat jam 11.15 pagi, Ahli Exco Kerajaan Negeri, Datuk Haji Osman Aroff, selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan, memberitahu melalui pembesar suara bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir, tidak sihat dan tidak dapat meneruskan ucapannya.

Orangramal diminta bersurai kerana acara tersebut dibatalkan.

Datuk Haji Osman kemudian memberitahu para pemberita, Perdana Menteri keletihan kerana aturcara lawatannya disusun terlalu ketat.

"Datuk Seri Dr. Mahathir mengalami senak perut

tidak sarapan pagi sebelum datang ke majlis sambutan ini," katanya.

Menurut Datuk Haji Osman, aturcara yang telah disusun hari ini, seperti sembahyang Zohor dan majlis tahli di Masjid Jitra serta jamuan makan tengahari di rumah Pegawai Dserah, berjalan terus tanpa Perdana Menteri dan isteri.

Pertemuan antara alim ulama dari sekitar kawasan Kubang Pasu dengan Perdana Menteri dan lawatan ke Padangsara untuk menyampaikan cek bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran baru-baru ini, terpaksa dibatalkan.

Sementara itu, di KUALA LUMPUR diberitakan Datuk Seri Dr. Mahathir akan membincangkan perkara-perkara kepentingan bersama termasuk mengeratkan lagi kerjasama dua hala di bidang ekonomi, sosial dan keselamatan dengan rakan sejawatnya, Gen. Prem Tinsulanonda, esok.

Lawatan rasmi dua hari

ke Thailand itu adalah yang pertamanya sejak menjadi Perdana Menteri Malaysia. Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah akan diberi sambutan rasmi negara oleh Kerajaan Thailand.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, yang akan turut sama dalam rombongan kira-kira 40 orang itu memberitahu, kedua-dua pemimpin itu dijangka bertukar-tukar fikiran tentang isu-isu semasa dunia, serantau dan cara mempertingkatkan lagi hubungan Malaysia-Thailand dan ASEAN.

Di bidang keselamatan, kata Tan Sri Ghazali, kedua pemimpin itu akan mengkaji semula perbincangan peringkat pegawai mengenai jawatankuasa keselamatan sempadan dan bertukar maklumat tentang cara masing-masing menghadapi dan menentang ancaman dalam negeri, di samping caracara menghadapi masalah pendatang haram.